

**TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATUK WAN SELAMAH BINTI  
WAN SULAIMAN AKAUNTAN  
NEGARA MALAYSIA**

**SEMPENA PERHIMPUNAN BULAN SEPTEMBER 2013  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
PADA 04 SEPTEMBER 2013**

Bismillahirrahmanirrahim.

Terima kasih pengacara majlis dan saudara pembaca doa. Semoga doa kita pada pagi ini dimakbulkan oleh Allah s.w.t. Terima kasih juga kepada kumpulan koir di atas dendangan lagu sebentar tadi.

YBhg Dato' Rosini binti Abd Samad, Timbalan Akauntan Negara (Korporat), Yang Berusaha Puan Hawazain binti Shaari, Timbalan Akauntan Negara (Operasi), Pengarah-Pengarah Bahagian, Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan, dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan seluruh warga Jabatan Akauntan Negara yang saya hormati dan kasihi sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan selamat pagi.

### **SAMBUTAN HARI INOVASI DAN INTEGRITI JANM TAHUN 2013**

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian,

Seperti tahun-tahun sebelumnya, JANM akan mengadakan sambutan Hari Inovasi dan Integriti bagi tahun 2013, in sha Allah pada bulan Oktober.

Untuk itu beberapa program telah diaturkan sempena sambutan tersebut. Antaranya adalah pertandingan menulis sajak dan mencipta logo serta lawatan dan ceramah inovasi. JANM juga merancang untuk mengadakan Hari Bertemu Pelanggan pada 11 september 2013 ini.

Pada tahun ini juga, JANM akan mengadakan Konvensyen KIK yang dibahagikan kepada tiga (3) Zon iaitu Zon Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Ia akan dimulakan dengan Peringkat Zon Sabah pada 17 September dan kemuncaknya akan berakhirdi Institut Perakaunan Negara pada 2 Oktober 2013.

Saya amat berharap seluruh warga JANM akan mengambil bahagian dalam program-program yang akan diadakan dan yang lebih penting lagi adalah **outcome / impak** dari program-program yang dijalankan.

### **SAMBUTAN HARI ULANGTAHUN KEMERDEKAAN KE56 DAN HARI MALAYSIA**

Pada 31 Ogos 2013 baru-baru ini, genaplah 56 tahun negara kita Malaysia mencapai kemerdekaan. Sambutan ulangtahun kemerdekaan ini perlu dihayati dan diambil pengajaran terutamanya tentang susah payah nenek moyang kita mempertahankan negara.

Kita semua sebagai rakyat Malaysia, harus sentiasa bersyukur kepada Allah s.w.t dan merasa bertuah kerana dapat menikmati kehidupan dengan aman dan damai di Negara kita yang tercinta ini.

Hayatilah erti kemerdekaan di dalam erti kata sebenarnya dan ingatlah bahawa kita mempunyai tanggungjawab kepada waris-waris kita. Beringatlah, bahawa apa yang dilakukan hari ini bukan sekadar terkesan kepada generasi semasa tetapi lebih utama ia bakal menentukan rupa wajah negara bangsa untuk dihakimi oleh sejarah serta generasi mendatang.

### **PENSIJILAN SEMULA AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI 5S JANM BAGI TAHUN 2013**

Sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan bahawa pihak MPC telah bersetuju untuk datang dan membuat auditan bagi Pensijilan Semula Amalan Persekutaran Berkualiti 5S JANM (Ibu Pejabat) bagi tahun 2013 pada **11 September 2013**.

Saya amat berharap agar semua bahagian dapat mengambil perhatian yang serius akan tarikh ini dan membuat persediaan dengan sewajarnya. Semoga dengan kerjasama dan komitmen tuan-puan dan seluruh warga JANM, akan membolehkan JANM mendapat pensijilan semula 5S dengan mendapat markah yang lebih baik. Insya Allah.

## **IKTIBAR DARI RAMADHAN**

Walaupun Ramadhan telah pun berlalu dan kita sekarang telah berada di penghujung Syawal (28 Syawal) 1434 Hijrah, adalah amat baik sekiranya kita dapat meneruskan segala amalan-amalan di buat pada bulan Ramadhan, seperti berpuasa. Amalan berpuasa bukanlah sekadar menahan lapar dan dahaga semata-mata malah dengan berpuasa juga ia dapat mendidik hawa nafsu dan keperibadi seseorang

manusia itu supaya menjadi lebih baik. Marilah kita sama-sama berazam dan berusaha untuk mengekalkan amalan-amalan soleh yang kita lakukan pada bulan Ramadhan yang lalu untuk diperaktikan pada bulan-bulan yang seterusnya.

## **UCAPAN KEPADA BAKAL JEMAAH HAJI JANM KE TANAH SUCI**

Saya difahamkan terdapat beberapa warga JANM yang telah terpilih untuk mengerjakan fardhu haji pada tahun ini. Kepada warga JANM yang bertuah, saya mewakili bagi pihak seluruh warga JANM merakamkan ucapan tahniah dan kami mendoakan agar tuan-puan selamat pergi dan selamat kembali ke tanah air, serta mendapat haji yang mabrur. Insya Allah.

## **MESYUARAT AGUNG KHAS BERKAT**

Saya tidak bercadang untuk bercakap dengan lebih panjang kerana sebentar nanti akan diadakan Mesyuarat Agung Khas Badan Kebajikan Akauntan Negara (**BERKAT**). Tujuan utama mesyuarat ini adalah bagi mendapatkan persetujuan bagi pindaan kepada Undang-undang dan Perlembagaan BERKAT yang telah dipersetujui semasa Mesyuarat Agung Dwi Tahunan BERKAT yang telah diadakan pada 29 Mei 2012 yang lalu.

Saya amat berharap semua yang hadir di dalam dewan pada pagi ini akan terus kekal dan menghadiri mesyuarat Agung Khas BERKAT yang akan diadakan sebentar nanti, demi kepentingan kita bersama.

## **PENUTUP**

Sekian, wabillahitaufik, walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

